

Ramai anggota kumpulan Al-Ma'unah ahli Pas: PM.

BH 21 JULI 2000
Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Hassan Omar

ALOR STAR, Khamis – Kebanyakan daripada 1,800 anggota Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) di seluruh negara adalah ahli Pas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun Al-Ma'unah bukan ditubuhkan oleh Pas, ahlinya terpengaruh dengan kempen membenci kerajaan oleh parti itu hingga sanggup menyertai pertubuhan yang melakukan keganasan.

Malah, anggota berkenaan mempunyai hasrat serupa dengan matlamat Pas bagi mengambil alih kuasa pemerintahan daripada kerajaan yang didakwa bukan kerajaan Islam.

Katanya, beliau terpaksa mendedahkan perkara itu kerana Pas menuduh Umno mempunyai kaitan dengan kumpulan Al-Ma'unah dan konon membuat sandiwara rompak senjata di kern tentera di Perak, awal bulan ini.

“Mulanya kita tak nak kaitkan Al-Ma'unah dengan Pas. Kita juga tak nak kaitkan Al-Ma'unah sebagai *militant wing of Pas* tetapi hari ini Pas cuba kaitkan Umno dengan Al-Ma'unah,” katanya merasmikan Konvensyen Umno Kedah 2000 di City Plaza, di sini, hari ini.

Pada 2 Julai lalu, 15 anggota kumpulan Al-Ma'unah merompak lebih 100 senjata dan beribu-ribu peluru dari dua kern tentera di Grik, Perak dan menahan empat tebusan ketika bersembunyi bersama 13 lagi rakan mereka di Bukit Jenalek, Sauk selepas itu.

Mereka juga membunuh dua daripada tebusan sebelum menyerah diri kepada pasukan keselamatan pada 6 Julai.

Dr Mahathir berkata, kumpulan Al-Ma'unah bagaimanapun agak bodoh sedikit kerana mahu mendirikan negara Islam di negara yang sudah Islam serta cuba menggulingkan kerajaan dengan senjata.

Diminta mengulas lanjut mengenai isu berkenaan pada sidang akhbar selepas itu, Perdana Menteri berkata, lambang Pas juga ada di kubu Al-Ma'unah.

“Al-Ma'unah menepati hasrat kempen membenci kerajaan yang dilakukan Pas dan perjuangan Pas untuk menubuhkan kerajaan Islam.

LIHAT MUKA 2

Kerajaan kaji kempen Pas

DARI MUKA 1

BH 2 1 JUL 2000

“Akibatnya, mereka ini menolak cara Pas yang secara perbandingannya adalah lebih lembut dan cuba melakukan perkara serupa dengan cara kekerasan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun beliau tidak pasti bilangan sebenar ahli Pas dalam Al-Ma’unah, kebanjakan mereka, termasuk 27 yang tahan di Bukit Tenalek, Sauk.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil tindakan terhadap Pas, Dr Mahathir berkata tindakan tidak akan diambil terhadap parti itu, tetapi kerajaan mengkaji kempen Pas yang menimbulkan banyak kemusnahan seperti dilakukan Al-Ma’unah.

Beliau juga membayangkan Pas seolah-olah juga bermain sandiwara mengenai anggota parti itu yang terbabit dengan kumpulan Al-Ma’unah.

“Pas kata kalau anggota Al-Ma’unah itu ahli Pas, mereka hanya perlu keluar daripada Al-Ma’unah dan tidak perlu keluar Pas. Ini bermakna Pas menerima orang Al-Ma’unah.

“Pas juga mendakwa Al-Ma’unah itu adalah orang yang bekerjasama dengan Umno untuk buat sandiwara termasuk tahan tebusan dan bunuh orang,” katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan melarang mana-mana parti politik menggunakan perkataan Islam pada namanya ekoran peristiwa itu, Dr Mahathir berkata perkara itu akan dikaji.

Katanya, ramai yang keliru dengan slogan Pas bahawa ‘Pas itu Islam dan Islam itu Pas’ sedangkan slogan itu sebenarnya bertentangan dengan ajaran Islam.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengambil tindakan terhadap kumpulan atau individu menganjurkan sembahyang hajat di masjid-masjid untuk anggota Al-Ma’unah yang ditahan polis.

Di **KUALA LUMPUR**, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor meminta polis mengemukakan senarai nama anggota Al-Ma’unah bagi membolehkannya menyiasat sama ada mereka ahli parti itu.

Tanpa senarai itu, katanya, Pas tidak dapat mengesahkan dakwaan bahawa sebahagian besar anggota kumpulan Al-Ma’unah adalah ahlinya.

“Ahli baru Pas tidak disyaratkan memberi maklumat mengenai pembabitan mereka dalam aktiviti di luar parti ketika mengisi borang pendaftaran keahlian.

“Kalau dia (polis) boleh bagi

senarai anggota Al-Ma’unah, kita boleh bantulah untuk meneliti. Tentu ada kad pengenalan. Kita boleh semak sama ada mereka ahli kita atau tidak,” katanya di lobi Parlimen.

Mengenai lambang Pas juga terdapat di tempat kumpulan Al-Ma’unah, Fadzil berkata penemuan lambang parti itu tidak boleh dijadikan bukti pembabitan mereka.